



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
*Level 7 Block J Damansara Town Centre*  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jilid XVI/ (2)  
9 Mac 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/1999:  
Penganjuran Program Motivasi Di Sekolah**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1/ 1991: Penceramah Jemputan Untuk Majlis dan Aktiviti Agama Islam Di Sekolah.

2. Kementerian Pendidikan menghargai usaha serta inisiatif sekolah menganjurkan program motivasi untuk murid-murid. Usaha serta inisiatif sedemikian sememangnya digalakkan. Namun demikian penganjuran program-program tersebut didapati banyak menggunakan perkhidmatan pakar dari luar. Penglibatan pakar dari luar ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ibu bapa dan penjaga. Di antara isu yang dipersoalkan ialah mengenai kadar bayaran yang dikenakan, latarbelakang, pengalaman dan kelayakan pemudahcara program serta jaminan keselamatan murid apabila program motivasi tersebut diadakan di luar kawasan sekolah.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan pihak pentadbir sekolah supaya sentiasa mengutamakan kepakaran yang terdapat di kalangan guru, sama ada guru-guru di sekolah sendiri, guru-guru dari sekolah lain atau dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, apabila menganjurkan program motivasi untuk murid-murid. Khidmat pakar dari luar dalam pengendalian program motivasi murid-murid hanya wajar jika benar-benar tidak terdapat kepakaran yang diperlukan dari kalangan guru-guru sekolah.

4. Dalam keadaan di mana sekolah terpaksa mendapatkan khidmat pakar dari kalangan bukan guru, pihak pentadbir sekolah hendaklah memberikan perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut.


- i. Kadar bayaran yang dikenakan kepada murid-murid (jika ada) hendaklah munasabah dan tidak membebankan ibu bapa atau penjaga.
- ii. Sebarang unsur paksaan tidak boleh dikenakan ke atas murid untuk menyertai program motivasi.
- iii. Kandungan program dan kaedah penyampaiannya hendaklah bersesuaian dengan tahap pengetahuan dan kebolehan murid yang menyertai program itu.
- iv. Penceramah dan Pemudahcara Program hendaklah mempunyai kelayakan, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang diceramahkan.

- v. Keselamatan dan kebajikan murid hendaklah sentiasa diutamakan dan diawasi dengan teliti oleh pihak sekolah.
- vi. Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian dan Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu serta mendapat kelulusan untuk menjalankan program.

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak  
Menteri Pendidikan Malaysia

Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus  
Timbalan Menteri Pendidikan

Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan

Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan

Ketua Nazir Sekolah

Pegawai Perhubungan Awam